




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 190 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 49,610 kes. Terdapat satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 337 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 46,238 orang. Sejumlah 1,928 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 656 orang di hospital, 1,263 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan sembilan (9) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 91 orang dan 24 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran bertukar dari zon jingga ke zon merah. Manakala Daerah Nabawan dan Tambunan berubah dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, **tiga (3) kluster** baru dilaporkan:

- i **Kluster Jalan Satu, KKIP di Kota Kinabalu dan Tuaran** mencatatkan pertambahan tiga (3) kes positif COVID-19 pada hari ini. Kes indeks merupakan pekerja di gedung pakaian di Kota Kinabalu yang dikesan melalui saringan sebelum masuk kerja. Wabak kemudiannya tersebar kepada keluarga iaitu pekerja gudang di KKIP. Hasil saringan kontak rapat mendapat 29 lagi kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 30 kes.
- ii **Kluster Ladang Tangkarason di Beluran** merekodkan 16 kes baru. Kes indeks merupakan pekerja yang dikesan melalui saringan pekerjaan pada 01 Februari 2021 setelah mengalami gejala. Hasil saringan kontak rapat dan tempat kerja mendapat 15 lagi kes positif COVID-19 dikesan bagi kluster ini.

- iii **Kluster Bandar Lama di Tawau** setakat hari ini mendapati pertambahan lima (5) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 24 kes positif COVID-19 . Kes indeks merupakan seorang pekerja di pusat bandar yang dikesan melalui saringan bergejala pada 21 Januari 2021. Pengesahan kontak rapat sedang giat dijalankan.
- 5 Daripada 190 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 95 kes (50%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 27 kes (14.2%), saringan kluster baharu dan sedia ada 41 kes (21.6%), saringan PERKESO 12 kes (6.3%) dan 15 kes (7.9%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,088 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,121 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.5%.

## B **BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 sehingga 2 Februari 2021, sebanyak **3,395** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan.

**C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 36,384 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 88 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat dan 43 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 21 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan empat (4) premis, di tiga (3) buah daerah iaitu Daerah Semporna, Tambunan dan Keningau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 131 lokasi di 18 daerah dengan hebahan dibuat dalam lapan (8) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Bisaya, Bahasa Bajau, Bahasa Murut, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Rungus.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.95%**.  
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Tenom	94%
3	Ranau	94%
4	Kunak	94%
5	Kota Belud	94%
6	Kota Kinabalu	93%
7	Penampang	93%
8	Beluran	93%
9	Kinabatangan	93%
10	Beaufort	93%
11	Tuaran	93%
12	Keningau	93%
13	Kota Marudu	93%
14	Kudat	93%
15	Tawau	93%
16	Semporna	92%
17	Sandakan	92%
18	Papar	92%
19	Lahad Datu	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**Masyarakat diingatkan agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan tidak mengadakan sebarang aktiviti sosial semasa PKP ini bagi membendung penularan pandemik Covid19.**

#kitajagakita #normabaharu

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
3 Februari 2021**